

Newspaper	Berita Harian
Date	20/5/2014

'Dyana Sofya cuma peragaan tarik pengundi'

BH - 20/5/2014

Ayer Keroh: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Dyana Sofya Mohd Daud sekadar 'window dressing' atau peragaan untuk DAP menarik sokongan pengundi.

Beliau mendakwa DAP menjadikan Dyana sebagai calon untuk memperagakan 'kecantikan' luaran parti meskipun wanita itu belum tentu mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kalau hendak buat *window dressing*, kita kena buat cantik-cantik. Baru orang nampak menarik sikit," katanya selepas menyampaikan ceramah bertajuk *Peranan Universiti Teknikal Dalam Persekitaran Malaysia Bagi Menjayakan Aspirasi Negara Maju* pada Majlis Chancellor Talk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini semalam.

Hadir sama Yang di-Per-tua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob dan Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron.

Ditanya sama ada peletakan calon Melayu daripada DAP akan memberi kesan terhadap sokongan Melayu, Dr Mahathir berkata, kaum itu sering kali



"Kalau hendak buat window dressing, kita kena buat cantik-cantik. Baru orang nampak menarik sikit"

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

Dr Mahathir menandatangani gambar beliau bersama tetamu VIP selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Chancellor Talk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), semalam. Turut hadir Mohd Khalil dan Idris. [FOTO BERNAMA]

tertipu dalam hal seperti itu walaupun mereka menyatakan sokongan terhadap UMNO.

Mudah kena tipu

"Orang Melayu akan sokong. Dia (orang Melayu) mudah kena tipu. Sudah ramai orang

Melayu kena tipu, (malah yang menjadi calon DAP) ini anak orang UMNO. Kalau anak orang PAS, dia tidak akan menjadi seperti ini kerana orang PAS sudah mengajar anak mereka sejak kecil supaya membenci UMNO.

"Dia (orang PAS) suruh pijak gambar saya tetapi anak orang UMNO tidak disuruh masuk UMNO. Dia tidak ajar mengenai UMNO dan sejarah parti itu, justeru apabila dewasa, dia bebas (memilih parti)," katanya.